



## NEGERI SABAH

[JPAN/UR:1000-4/1/(17)]

### PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 5 TAHUN 2007

#### DOKUMEN TARIKH LAHIR PEGAWAI AWAM

#### TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menetapkan dokumen yang perlu dirujuk bagi pengesahan tarikh lahir pegawai awam.

#### LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini tarikh lahir yang diiktiraf untuk tujuan perkhidmatan dan persaraan seseorang pegawai awam yang mempunyai rekod perkhidmatan ialah tarikh lahir yang tercatat dalam rekod perkhidmatannya.

#### PERATURAN BARU

3. Dengan berkuatkuasa Pekeliling Perkhidmatan ini tarikh lahir yang diiktiraf untuk tujuan perkhidmatan dan persaraan seseorang pegawai awam adalah tarikh lahir yang tercatat di dalam Sijil Kelahiran atau Kad Pengenalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia. Bagi Kad Pengenalan yang mempunyai tanda “ \* ” (*asterisk*) pada nombornya, tarikh lahir sebenar hendaklah berdasarkan pengesahan bertulis daripada Jabatan Pendaftaran Negara.

#### TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN DAN PEGAWAI

4. Tertakluk kepada peraturan tertentu, Ketua Jabatan boleh membenarkan seseorang pegawai menyemak tarikh lahir yang tercatat dalam rekod perkhidmatan masing-masing bagi memastikan tarikh tersebut sama dengan tarikh lahir yang tercatat dalam dokumen di perenggan 3 di atas. Jika terdapat perbezaan, pegawai hendaklah memohon kepada Ketua Jabatan dengan menyertakan Sijil Kelahiran dan salinan kad pengenalan yang disahkan supaya pindaan yang sewajarnya boleh dilakukan.

## TARIKH KUATKUASA

5. Peraturan di atas berkuatkuasa mulai tarikh Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan.

## PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”**



**( SUKARTI BIN WAKIMAN )**  
**Setiausaha Kerajaan Negeri.**

Tarikh : 05 Julai 2007

Diedarkan kepada :  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pejabat Daerah  
Semua Pejabat Daerah Kecil  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri